

## Season Three: The Land

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p>EPISOD 30</p> <p>NABI MUSA A.S (1)</p> <p>ZAMAN KELAHIRAN NABI MUSA A.S ADALAH SEBELUM ZAMAN KEGEMILANGAN TAMADUN GREEK. MENGIKUT PENDAPAT PROF. JURJI ZAIDAN YANG BERASAL DARI LUBNAN DALAM BUKUNYA `TARIKH AL-ADAB AL-ARABI` BERPENDAPAT BAHAWA ZAMAN GREEK TERBAHAGI KEPADA 7 BAHAGIAN; BAHAGIAN PERTAMA ZAMAN KEGELAPAN YANG BERMULA PADA 900BC-700BC, KEDUA ZAMAN BERMULANYA TAMADUN 700BC-500BC, KETIGA ZAMAN KEEMASAN 500BC-323BC, KEEMPAT ALEXANDER THE GREAT 323BC-146BC, ZAMAN ROM DAN YUNANI 146BC-550SM DAN AKHIR SEKALI ZAMAN BYZANTIN 550SM-1453SM.</p>	<p>VISUAL PERMULAAN GREEK YANG PERCAYAKAN TAHYUL DAN MISTIK</p> <p>جورجي زيدان، تاريخ آداب اللغة العربية، ج 1 ص 21-22.</p>

KENAPA PERLU SELONGKAR  
DAHULU TAMADUN GREEK  
DALAM MENCERITAKAN KISAH  
MUSA? INI KERANA KELAHIRAN  
MUSA ADALAH SEJAJAR DENGAN  
ZAMAN PERMULAAN GREEK  
SETENGAH PENDAPAT  
MENGATAKAN BAHAWA  
LAHIRNYA MUSA PADA 1200BC  
ADA YANG BERPENDAPAT  
1000BC YANG MANA  
SESETENGAH AHLI SEJARAH  
PERCAYA BAHAWA PERBEZAAN  
DI ANTARA SYARIAT  
HAMURABBI DAN SYARIAT  
MUSA A.S ADALAH 800 TAHUN  
PERBEZAANNYA . INI BERMAKNA  
KELAHIRAN MUSA ADALAH 800  
TAHUN SESUDAH KEMATIAN  
RAJA HAMURABBI INI. JIKA  
BEGITU KEADAANNYA, MAKA  
KELAHIRAN MUSA A.S INI  
ADALAH SERENTAK DENGAN  
PERALIHAN TAMADUN TIMUR  
DAN BARAT. DI MANA TAMADUN  
TIMUR IAITU IRAQ DENGAN  
HAMURABBI DAN  
ASSYURIANNYA, PALESTIN  
DENGAN KEHEBATAN  
MUNCULNYA KETURUNAN

NABI2, YAMAN PULA TERKENAL DENGAN KISAH NEGARA SABA` DAN PUTERI BALQIS YANG ADA KAITAN DENGAN KISAH SULAIMAN. JADI BOLEHLAH DIBUAT KESIMPULAN BAHAWA KELAHIRAN MUSA- DI ZAMAN KERAJAAN FIRAUN YANG ZALIM MERUPAKAN CABARAN BESAR BUAT MUSA DAN SAHABATNYA DALAM MENGEMBANGKAN DAKWAH TAUHID.

DAN (KENANGKANLAH) KETIKA KAMI SELAMATKAN KAMU DARI FIRAUN DAN ORANG-ORANGNYA, YANG SENTIASA MENYEKSAKAN MU DENGAN SEKSA YANG SEBURUK-BURUKNYA; MEREKA MENYEMBELIH ANAK-ANAK LELAKI KAMU DAN MEMBIARKAN HIDUP ANAK-ANAK PEREMPUAN KAMU; SEDANG KEJADIAN YANG DEMIKIAN ITU MENGANDUNGI BALA BENCANA DAN CUBAAN YANG BESAR DARI TUHAN KAMU. (BAQARAH: 49)

MANAKALA DALAM SURAH AL-

A`RAF[127] DAN BERKATALAH PULA KETUA-KETUA DARI KAUM FIRAUN: ADAKAH ENGKAU (WAHAIFIRAUN) HENDAK MEMBIARKAN MUSA DAN KAUMNYA UNTUK MELAKUKAN KEROSAKAN DI BUMI (MESIR) DAN MENINGGALKAN MU SERTA APA-APA YANG DIPUJAOLEH MU? FIRAUN MENJAWAB: KITA AKAN MEMBUNUH ANAK-ANAK LELAKI MEREKA DAN KITA BIARKAN HIDUP ANAK-ANAK PEREMPUAN MEREKA DAN KITA TETAP MENGUASAI (MENUNDUKKAN) MEREKA.

AL-QASAS [7] DAN KAMI ILHAMKAN KEPADA IBU MUSA: SUSUKANLAH DIA; DALAM PADA ITU, JIKA ENGKAU TAKUTKAN SESUATU BAHAYA MENGENAINYA (DARI ANGKARA FIRAUN), MAKA (LETAKKANLAH DIA DI DALAM PETI DAN LEPASKANLAH DIA KE LAUT DANJANGANLAH ENGKAU MERASA BIMBANG DANJANGAN PULA BERDUKACITA; SESUNGGUHNYA KAMI AKAN MENGEMBALIKANNYA

KEPADAMU, DAN KAMI KAN MELANTIKNYA MENJADI SALAH SEORANG DARI RASUL-RASUL KAMI.

AL-QASAS [8] SETELAH ITU DIA DI AMBIL OLEH ORANG-ORANG FIRAUN; SESUDAHANNYA DIA AKAN MENJADI MUSUH DAN MENYEBABKAN DUKACITA BAGI MEREKA; SESUNGGUHNYA FIRAUN DAN HAMAN SERTA ORANG-ORANGNYA ADALAH GOLONGAN YANG BERSALAH.

AL-QASAS [9] DAN (KETIKA MELIHAT KANAK-KANAK ITU) BERKATALAH ISTERI FIRAUN: (SEMOGA DIA MENJADI) CAHAYAMATA BAGI KU DAN BAGIMU; JANGANLAH KAMU MEMBUNUHNYA; MUDAH-MUDAHAN DIA BERGUNA KEPADA KITA ATAU KITA JADIKAN DIA ANAK. PADAHAL MEREKA TIDAK MENYEDARI (KESUDAHANNYA).

ISTERI FIRAUN (ASIAH) ADALAH SEORANG ISLAM. BELIAU BERJAYA MELEMBUTKAN HATI FIRAUN UNTUK MEMELIHARA

NABI MUSA A.S. DAN TIDAK MEMBUNUHNYA. SUATU HARI, SEWAKTU FIRAUN SEDANG MENIMANG-NIMANG NABI MUSA A.S. DAN NABI MUSA A.S. TELAH MENARIK JANGGUT FIRAUN SEHINGGA MENDATANGKAN KEMARAHAN RAJA YANG ZALIM ITU. INGATANNYA SERTA MERTA BERPUTAR KEPADA KATA-KATA AHLI NUJUMNYA, “KERAJAAN MU AKAN DIGULINGKAN OLEH SEORANG LELAKI YG CERDAS DAN PINTAR AKAL FIKIRANNYA”. LALU UNTUK MENGUJI KECERDASAN NABI MUSA A.S., FIRAUN MELETAKKAN BARA API DAN EMAS DI HADAPAN NABI MUSA. “JIKA MUSA MENGAMBIL EMAS, TERBUKTI DIA SEORANG YANG BIJAK, LALU AKAN KU BUNUH DIA. TETAPI ANDAI DIA MEMILIH BARAAPI, NYATA DIA TIDAK BERKELEBIHAN PADA AKALNYA.”

UNTUK MEMELIHARA NABI MUSA A.S, ALLAH MENGHANTAR MALAIKAT JIBRIL UNTUK MENEPIS NABI MUSA SEMASA

TANGANNYA INGIN MENGAMBIL EMAS ITU. LALU TANGAN BAGINDA MENCAPAI BARA API DAN SEPERTIMANA BAYI YANG LAIN NABI MUSA MENYUAPKAN APA YANG BERADA DI TANGANNYA KEDALAM MULUTNYA. LANTAS, NABI MUSA MENJADI GAGAP AKIBAT LIDAHNYA YANG TERCEDERA DIBAKAR API. WALAU BAGAIMANAPUN, KECEDERAAN ITULAH YANG MENGELAKKANNYA DARIPADA DIBUNUH OLEH FIRAUN LAKNATULLAH.

PERBINCANGAN TENTANG BAHASA APAKAH YANG DIPERTUTURKAN OLEH NABI MUSA A.S MERUPAKAN SATU TAJUK YANG BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN BAHASA DI DALAM KITAB TAURAT?

MAKLUM TELAH KETAHUI BAHAWA BAHASA ARAMAİK MERUPAKAN BAHASA ASAL KITAB BIBLE. KEMUDIAN

DITULIS KE BAHASA-BAHASA YANG LAIN SEPERTI BAHASA GREEK ATAU YUNANI DAN KEMUDIAN DITERJEMAHKAN KE BAHASA LATIN DAN INGGERIS.

PERSOALANNYA APAKAH BAHASA YANG TELAH DITURUNKAN DI DALAM KITAB TAURAT?

APAKAH BAHASA PERCAKAPAN NABI MUSA A.S.? KEBANYAKKAN AHLI BAHASA YANG BERPENDAPAT BAHASA YANG DIPERTUTURKAN OLEH NABI MUSA A.S ADALAH ARAMAIK. YANG MANA BAHASA ARAMAIK MERUPAKAN SALAH SATU BAHASA SEMITIK UTARA MESOPOTAMIA.

NAMUN ADA YANG BERPENDAPAT MUSA A.S BERTUTUR DALAM BAHASA SIRYANI, APAKAH PERBEZAAN ANTARA BAHASA ARAMAIK DAN SIRYANI INI? BUKTI-BUKTI BATU BERSURAT PADA HAKIKATNYA DAPAT MENDEDAHKAN APAKAH BAHASA YANG DIGUNAKAN DAN

DIPERTUTURKAN PADA KETIKA ITU.

BAHASA ARAMAİK MERUPAKAN BAHASA ASAL BAHASA SIRYANI, ORANG-ORANG SIRYANI MENGGUNAKAN KEBANYAKKAN PERKATAAN ARAMAİK KE DALAM BAHASA SIRYANI. INI MEMANDANGKAN DARI SUDUT GEOGRAFI DAMSYİK YANG MERUPAKAN KOTA ARAM, MAKA AMAT LOGIK SEKIRANYA BAHASA ARAMAİK ADALAH BAHASA SIRYANI. INI BERMAKNA PENDUDUK ASAL SYRIA BERTUTUR DALAM BAHASA ARAMAİK. SELEPAS BEBERAPA DEKAD MAKA MEREKA BERTUTUR PULA DI DALAM BAHASA SIRYANI YANG MEMPUNYAI TANDA SEPERTI DOMMAH, FATHAH, KASRAH, TANWIN DAN TASHDID.

BAHASA PURBA KOTA DAMSYİK ADALAH ARAMAİK, PERKATAAN ARAMAİK INI BERASAL DARI KALIMAH `ARAM` MERUPAKAN ANAK KELIMA SAM BIN NUH A.S. (SAFAR AT-TAKWIN 10: 22-23). KABILAH ARAM INI TELAH

<p>MENJADIKAN KOTA DAMSYIK SEBAGAI TEMPAT ASAL MEREKA SEHINGGAKAN AHLI SEJARAH BERPENDAPAT KOTA INI DI NAMAKAN KOTA ARAM.</p>	